



PENYATA RASMI

MINIT PERSIDANGAN

6 MAC 2023 (ISNIN) HINGGA 7 MAC 2023 (SELASA)

**MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KEEMPAT BELAS**

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERIP
ULAU PINANG**

PENYATA RASMI

**MESYUARAT KETIGA
PENGAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS**

MINIT PERSIDANGAN

No. Soalan	Kandungan	Muka Surat
1.	Minit Persidangan Hari Pertama	1
2.	Minit Persidangan Hari Kedua	15

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KETIGA PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 6 MAC 2023 (ISNIN)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjong Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
13.	YB. Dato' Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/ Sungai Bakap
14.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15.	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak
16.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
17.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
18.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
19.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
20.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
21.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
22.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
23.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
24.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
25.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
26.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
27.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
28.	YB. Dato' Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
29.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
30.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
31.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
32.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
33.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
34.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
35.	YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
36.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
37.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga
38.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
39.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
40.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
41.	YB. Zolkify Bin Md. Lazim	Telok Bahang

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan
1..	YB. Dato' Mohd. Sayuthi bin Bakar	Setiausaha Kerajaan Negeri
.2	YB. Dato' Norazmi bin Mohd. Narawi	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Puan Zabidah binti Safar	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Puan Hasma binti Hashim	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Meor Hamzah bin Abdullah Sani	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. BACAAN DOA

2. PENGUMUMAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri telah memaklumkan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan 6 Mac 2023 (Isnin) sebagai hari permulaan Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas melalui pengisytiharan yang diwartakan pada 26 Januari 2023.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri mengalu-alukan YB. Dato' Mohd. Sayuthi bin Bakar sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri yang baharu yang telah memulakan tugasnya pada 19 Disember 2022. Dewan juga dimaklumkan bahawa YB. Penasihat Undang-Undang Negeri akan bertukar ke Pejabat Peguam Negara pada 13 Mac 2023 nanti.

Mesyuarat dimaklumkan akan mempertimbangkan sejumlah 69 soalan Lisan, 586 Soalan Bertulis, 1 Rang Undang-Undang dan 1 Usul.

3. PEMBENTANGAN RISALAH-RISALAH

- | | | |
|-------------------|---|--|
| Bil. 1 Tahun 2023 | - | Penyata Kewangan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang Tahun 2021 |
| Bil. 2 Tahun 2023 | - | Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang Tahun 2021 |
| Bil. 3 Tahun 2023 | - | Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Seberang Perai Tahun 2021 |
| Bil. 4 Tahun 2023 | - | Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang Tahun 2021 |
| Bil. 5 Tahun 2023 | - | Laporan Tahunan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) Tahun 2021 |
| Bil. 6 Tahun 2023 | - | Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2021 |

4. SOALAN-SOALAN BERTULIS

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis telah diletakkan di atas meja ahli yang bertanya selaras dengan Subperaturan 15(1)(h), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

5. PENGUMUMAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang telah mengusulkan Perkara 15(3), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Undangan Negeri Pulau Pinang untuk meminda aturan urusan mesyuarat untuk mempertimbangkan Usul Pengisytiharaan kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri di bawah Perkara 14A, Perlembagaan Negeri Pulau Pinang.

Usul telah mendapat persetujuan daripada Ahli-ahli Dewan.

6. PEMBENTANGAN USUL PENGISYTIHARAAN KEKOSONGAN KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI DI BAWAH PERAKARA 14A – PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG OLEH YB. TIMBALAN KETUA MENTERI I

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh* dan Salam Sejahtera. Saya selaku Timbalan Ketua Menteri 1, Negeri Pulau Pinang mohon mencadangkan untuk membentangkan suatu usul yang bertajuk "Pengisytiharan Kekosongan Empat (4) Kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Di Bawah Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang" selaras dengan subperaturan 31(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Dato' Yang di-Pertua, saya mohon agar Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ini dapat meluluskan Usul yang bertajuk "Pengisytiharan Kekosongan Empat (4) Kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Di Bawah Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang" akibat kegagalan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang berkenaan untuk mengosongkan kerusi mereka di bawah Fasal 14A(1) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang. Senarai kerusi dan ADUN yang terlibat adalah seperti berikut:

- (i) Seberang Jaya (N10) - YB. Dr. Afif bin Bahardin
- (ii) Sungai Acheh (N21) - YB. Zulkifli bin Ibrahim
- (iii) Bertam (N2) - YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq
- (iv) Telok Bahang (N40) - YB. Zolkifly bin Md Lazim

Dato' Yang di-Pertua, sekiranya Dewan ini bersetuju dengan Usul yang akan dibentangkan ini, maka Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri menurut Fasal 14A(4) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang hendaklah memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa telah berlakunya kekosongan empat (4) kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Dato' Yang di-Pertua, sepertimana Dewan ini sedia maklum, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi Enakmen Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2012 [A.13/2012] telah meminda Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dengan memasukkan Perkara 14A yang menyentuh mengenai pertukaran parti politik seorang Ahli Dewan Undangan Negeri. Perkara 14A Perlembagaan Negeri ini telah dikuatkuasakan di Negeri Pulau Pinang sejak dari 8 Januari 2013. Perkara 14A(1) Perlembagaan Negeri adalah seperti yang berikut:

“Change of a member's political party

- 14A. (1)** *Subject to this Article, a member of the Legislative Assembly shall vacate his seat if-*
- (a) *having been elected as a candidate of a political party, he resigns or is expelled from, or ceases for any reason whatsoever to be a member of that party; or*
 - (b) *having been elected otherwise than as a candidate of a political party, he joins a political party.*
- (2) *A member of the Legislative Assembly shall not be required to vacate his seat pursuant to this Article only by reason of –*
- (a) *the dissolution or cancellation of the registration of his party; or*
 - (b) *his resignation from the membership of his party upon election as Speaker.*

- (3) *Notwithstanding anything contained in Article 13(5), a member of the Legislative Assembly who vacates his seat under this Article may seek re-election at any ensuing election.”*

Dato' Yang di-Pertua, Perkara 14A Perlembagaan Negeri ini menetapkan bahawa seseorang ADUN hendaklah mengosongkan kerusinya apabila ADUN tersebut melepaskan, berhenti atau dilucutkan keahliannya dari sesebuah parti politik atau pun apabila ADUN tersebut menyertai apa-apa parti politik yang lain.

Dato' Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan ini juga, Mahkamah Persekutuan dalam kes PA-24NCVC-707-10/2020, PA-24NCVC-708-10/2020 dan PA-24NCVC-709-10/202 yang diketuai oleh Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun Binti Tuan Mat bersama 6 orang lagi Yang Arif Hakim Mahkamah Persekutuan telah memutuskan Perkara 14A Perlembagaan Negeri tidak bertentangan dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, apabila berlakunya pertukaran parti politik oleh seseorang ADUN, maka berdasarkan perenggan 14A(1)(a) Perlembagaan Negeri, ADUN tersebut hendaklah mengosongkan kerusinya. Namun jika seseorang ADUN tersebut enggan mengosongkan kerusinya maka keputusan mengenai perkara tersebut hendaklah diputuskan oleh Dewan Undangan Negeri melalui suatu Usul berdasarkan Fasal 18(1) Perlembagaan Negeri yang menetapkan seperti berikut:

“Decision as to disqualification

18. (1) If any question arises whether a member of the Legislative Assembly has become disqualified for membership, the decision of the Assembly shall be taken and shall be final:

Provided that this Article shall not be taken to prevent the practice of the Assembly postponing a decision in order to allow for the taking or determination of any proceedings that may affect the decision (including proceedings for removal of the disqualification).”

Dato' Yang di-Pertua,

Perkara mengenai pengosongan kerusi seseorang ADUN hendaklah diputuskan oleh Dewan Undangan Negeri melalui Usul kerana ianya melibatkan persoalan

fakta (*question of facts*), (dengan izin), yang perlu dipadankan dengan ketetapan pemakaian Perkara 14A Perlembagaan Negeri tersebut.

Kedudukan dua (2) ahli Parti Keadilan Rakyat (PKR), dalam hal ini Usul yang berkaitan dengan status dua (2) ADUN PKR ianya berbangkit akibat pemecatan keahlian yang menyebabkan kedua-kedua ADUN tersebut tidak lagi ahli PKR.

YB. Zulkifli Ibrahim dan YB. Dr. Afif Bahardin telah dipecat keanggotaan Parti Keadilan pada 28 Jun 2020 kerana penglibatan mereka di dalam apa yang disebut *Sheraton move*. Kedudukan dua (2) Ahli Parti BERSATU, bagi dua (2) ADUN BERSATU pula, fakta kedua-kedua ADUN tersebut menggunakan lambang PKR atas merit watakah pencalonan yang dibuat oleh Presiden PKR ketika itu adalah satu amalan yang sudahpun diketahui umum.

Dan semasa langkah *Sheraton* tersebut, Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Peribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dalam mesyuarat khas yang diadakan pada 23 Februari 2020 telah membuat keputusan untuk keluar daripada parti Pakatan Harapan, YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq dan YB. Zolkify bin Md. Lazim telah mengesahkan untuk mengikut jejak PPBM beberapa minggu selepas itu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Rujukan terhadap Perenggan 11(1)(c) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihanraya) 1981 adalah sangat penting dalam merungkai perkara ini di mana ia menetapkan seperti yang berikut :

“Pilihan raya yang dipertandingkan”

- (c) Bagi maksud subperaturan ini sesuatu parti politik boleh mengemukakan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk diluluskannya dan untuk didaftarkan jika diluluskan sedemikian, suatu simbol yang dalam subperaturan ini disebut simbol parti bagi kegunaan calon dalam mana-mana pilihanraya”

Manakala peraturan 25F Peraturan-Peraturan Pilihanraya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 yang memperuntukkan perkara sepertimana yang berikut:

“Pengisytiharan mengenai parti politik yang menang

25F. Selepas selesai penjumlahan rasmi dan pembuatan pengisytiharan di bawah subperaturan 25(D)(7) berkenaan dengan semua pilihan raya yang dipertandingkan dalam pilihan raya umum bagi Dewan Rakyat atau sesuatu Dewan Undangan Negeri, Suruhanjaya Pilihan Raya boleh membuat pengisytiharan bahawa sesuatu parti politik yang telah menamakan calon untuk bertanding dalam pilihan raya umum itu telah memenangi pilihan raya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika parti politik itu telah memperoleh suatu majoriti melebihi lima puluh peratus daripada jumlah kerusi yang diperuntukan bagi pemilihan ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri itu”

Berdasarkan kedua-dua peruntukan undang-undang di atas, adalah jelas bahawa kedua-dua ADUN BERSATU tersebut bertanding dengan pencalonan PKR dan bukannya atas pencalonan parti BERSATU memandangkan parti BERSATU belum lagi berdaftar sebagai parti politik pada ketika PRU-14. Perkara ini juga adalah selaras dengan kedudukan yang diambil oleh kedua-dua ADUN BERSATU di dalam kes mahkamah iaitu Saman Pemula No. PA-24NCVC-708-10/2010 di mana dalam affidavit kedua-dua ADUN BERSATU tersebut, mereka sendiri telah mengakui bahawa mereka bertanding pada PRU-14 tersebut di bawah logo PKR sebagai sebahagian dari Pakatan Harapan yang termasuk PKR, DAP, AMANAH dan BERSATU. Malah dalam affidavit kedua-dua ADUN BERSATU tersebut juga, mereka menyatakan terdapat pemberontakan dalam Pakatan Harapan yang menyebabkan BERSATU keluar dari Pakatan Harapan dan telah menubuhkan Perikatan Nasional.

Malah dalam affidavit kedua-dua ADUN BERSATU tersebut juga, mereka menyatakan terdapat ‘pemberontakan’ dalam Pakatan Harapan yang menyebabkan BERSATU keluar dari Pakatan Harapan dan telah menubuhkan Perikatan Nasional bersama UMNO dan PAS. Mereka juga mengakui telah menarik balik sokongan mereka daripada Pakatan Harapan. Oleh itu, kedua-dua ADUN ini sewajarnya disifatkan terjumlah sebagai tindakan melompat parti berdasarkan kepada platform parti politik yang digunakan sebagai parti politik yang bertanding pada ketika PRU-14.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri,

Walau bagaimanapun, Dewan ini hendaklah juga mengambil maklum mengenai *proviso* di bawah Fasal 19(5) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang bahawa suatu kekosongan luar jangka tidak boleh diisi memandangkan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang akan terubur dalam tempoh kurang dari dua (2) tahun. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan Usul ini untuk dibahaskan. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat menyokong dan membahaskan usul.

7. PERBAHASAN USUL

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq) mengambil bahagian dalam perbahasan usul.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli bin Ibrahim) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly bin Md. Lazim) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan usul.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni bin Mat Piah) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan usul.

Y.A.B. Ketua Menteri mengambil bahagian dalam sesi perbincangan usul.

8. PENGGULUNGAN USUL

YB. Timbalan Ketua Menteri I mengambil bahagian dalam penggulungan usul.

Usul dipersetujui

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri mengarahkan keempat-empat ADUN supaya meninggalkan Dewan. Ahli Kawasan Penaga mengiringi keempat-empat ADUN.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.50 tengah hari

9. SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sama ada *Smart Pole* dengan ciri-ciri video dan *image processing* boleh dipasang di Padang Tembak?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Bilakah Kerajaan Negeri akan memulakan kajian trafik secara menyeluruh di Seberang Perai?
 - (a) Apakah status penaiktarafan Jalan Bukit Tambun dan Jalan Paboi oleh JKR?
 - (b) Huraikan anggaran kos untuk penaiktarafan jalan dan jejambat Jalan Perusahaan Valdor.
 - (c) Huraikan status sambungan jalan dari Bandar Tasek Mutiara ke Hijauan Hills.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Terangkan status terkini tentang krisis *African Swine Fever (ASF)* di negeri Pulau Pinang.
 - (a) Senaraikan ladang ternakan khinzir yang terkesan mengikut lokasi, bilangan ekor khinzir dilupuskan serta anggaran kerugian.
 - (b) Bilakah jangkaan industri ternakan khinzir boleh diumumkan *disease-free*?
 - (c) Terangkan secara terperinci rancangan Kerajaan Negeri dalam menyelamatkan sektor industri ini.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Melalui dasar kesaksamaan gender Kerajaan Negeri, apakah insentif dan program yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan yang terjejas dari tahun 2018 hingga 2022?

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kontraktor pungutan sampah yang baru dilantik gagal menjalankan tugas dan memberi alasan kekurangan logistik dan sebagainya. Isu ini telah membawa impak serius kepada rakyat.
 - (a) Memandangkan perkhidmatan kutipan sampah adalah keperluan asas yang perlu disalurkan kepada rakyat, apakah tindakan yang telah diambil?
 - (b) Nyatakan spesifikasi baru untuk tender terbuka yang disediakan oleh pihak MBPP.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Nyatakan kesemua tarikan ataupun *landmarks* yang akan dibina atas projek Gurney Wharf.
 - (a) Adakah beberapa tarikan itu boleh siap dibina pada pertengahan tahun 2023?
 - (b) Bolehkah Kerajaan Negeri memastikan 'kawasan hijau' diberi keutamaan dalam projek tersebut?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan a/l Aramugam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berikan indeks jenayah di Pulau Pinang untuk tempoh tahun 2022 dan 2023.
 - (a) Indeks jenayah mengikut daerah dan jenis jenayah.
 - (b) Langkah-langkah mengurangkan indeks jenayah.

- (c) Berapakah jumlah pegawai dan anggota di Pulau Pinang mengikut daerah dan balai?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti potensi-potensi setempat (khususnya di Balik Pulau) ke arah memajukan sektor pelancongan di kawasan tersebut?
- (a) Apakah pernah dibuat kajian untuk mengenal pasti potensi-potensi tersebut?
- (b) Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk memajukan sektor pelancongan di Balik Pulau?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Aduan diterima dari nelayan-nelayan sekitar Padang Benggali dan juga Penaga bahawa sudah dua (2) tahun Kerajaan Negeri tidak memberikan bantuan pukat dan jala. Apakah bantuan ini telah dihentikan?
- (a) Jika dihentikan, mengapa?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Mustafa Kamal Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Berapakah peruntukan Jelajah Penang2030 bawah LovePENANG dan bagaimanakah cara pengagihan bajet tersebut dijalankan serta berapa banyak program tersebut dijalankan?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Yb. Dr. Afif Bin Bahardin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Pejabat Pusat Khidmat ADUN Angkat bagi DUN Seberang Jaya?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Progres kerja-kerja naik taraf lalu lintas, sistem perparitan dan capaian internet.
 - (a) Sehingga kini, nyatakan progres kerja-kerja naik taraf lalu lintas, sistem perparitan dan capaian internet yang telah, sedang dan akan dilakukan di sekitar kawasan Tasek Gelugor.
 - (b) Bagaimanakah cadangan penyelesaian bagi mengurangkan tekanan kesesakan lalu lintas di simpang utama jalan raya terutama di waktu puncak?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Dengan pesatnya pembangunan perumahan di Daerah Barat Daya (DBD) dan masalah kesesakan lalu lintas yang amat serius, apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk mengkaji kemudahan infrastruktur di DBD?

10. PENANGGUHAN

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri menangguhkan Dewan. Dewan akan mula bersidang semula pada 7 Mac 2023, jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.10 petang.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT KETIGA PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 7 MAC 2023 (SELASA)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjong Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
13.	YB. Dato' Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
14.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
16.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
17.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
18.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
19.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
20.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
21.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
22.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
23.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
24.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
25.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
26.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
27.	YB. Dato' Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
28.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
29.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
30.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
31.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
32.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
33.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
34.	YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
35.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
36.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan
1.	YB. Dato' Mohd. Sayuthi bin Bakar	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Norazmi bin Mohd. Narawi	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Puan Zabidah binti Safar	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Puan Hasma binti Hashim	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Meor Hamzah bin Abdullah Sani	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. BACAAN DOA

2. SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah perancangan untuk menaik taraf Astaka Taman Tun Sardon? Tandas awam yang di bawah seliaan MBPP berada dalam keadaan yang amat memalukan dan tidak mencerminkan imej hub pelancongan makanan. Astaka perlu diubahsuai supaya mengikut keperluan semasa dan menambahkan number gerai supaya dapat menempatkan peniaga-peniaga tidak berlesen di sekitar kawasan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Apakah status pengoperasian Tapak Pelupusan Sampah (TPS) di Pulau Burung? Nyatakan tempoh sel 1 yang masih dapat digunakan.
- (a) Berapakah masa diperlukan bagi menyiapkan sel 2 dan jumlah perbelanjaan yang perlu dikeluarkan?
- (b) Bilakah RFP yang baharu akan dibuka bagi TPS Pulau Burung dan nyatakan teknologi yang diperlukan?

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Nyatakan projek-projek infrastruktur yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan tetapi masih ditunda dengan terperinci termasuk kos dan jangkaan siap.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Gooi Zi Sen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Dasar Pembaharuan Semula Bandar (URC).
- (a) Apakah status terkini pelaksanaan dasar Pembaharuan Semula Bandar di Pulau Pinang?

- (b) Adakah isu perundangan berhubung pelaksanaan dasar tersebut akan diatasi susulan daripada penubuhan Kerajaan Perpaduan di peringkat Persekutuan?

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Nyatakan status ADUN-ADUN yang melompat parti selepas pindaan Perlembagaan Anti-Lompat Parti diisytiharkan berperlembagaan oleh Mahkamah Persekutuan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina litar lumba motosikal khusus kategori Cub Prix dan Motocross?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat engagement dengan kelab-kelab motosikal Cub Prix di Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Bagaimanakah kesesakan jalan raya yang semakin meningkat di Seberang Perai akan diatasi oleh Kerajaan?
- (a) Lebuhraya Utara Selatan dari Jawi sehingga Juru menjadi halangan untuk *connectivity* menyebabkan tekanan ke atas jalan-jalan biasa lalu menyebabkan kesesakan teruk. Bolehkah jalan ini dijadikan Jalan Persekutuan tanpa tol dengan lebih banyak susur masuk keluar?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Nyatakan jumlah taska di rumah yang berdaftar di seluruh Pulau Pinang dan kaedah pengurusan oleh jabatan serta syarat-syarat pelaksanaan.

- (a) Apakah faedah dan kebaikan taska di rumah kepada jabatan dan keluarga B40?
- (b) Mengapakah taska di rumah dikenakan pelbagai syarat yang ketat dan apakah cara untuk membantu pengurusan taska-taska ini?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Syarikat manakah yang terlibat dalam korek pasir di Kuala Muda dan apa tujuan pasir tersebut dikorek?
- (a) Apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada syarikat tersebut untuk melakukan kerja mengorek?
 - (b) Apakah terdapat sempadan laut yang memisahkan Pulau Pinang dan Kedah bagi memastikan tiada pencerobohan korek pasir berlaku?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Galeri Sukan.
- (a) Sejak Galeri Sukan ditubuhkan, apakah respon kunjungan orang awam dan pelajar?
 - (b) Adakah informasi dalam galeri tersebut akan dikemas kini dari semasa ke semasa untuk memastikan maklumatmaklumat berkenaan adalah terkini?
 - (c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan penggunaan Galeri Sukan dapat dimanfaatkan secara optimum?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Tambak laut.
- (a) Jelaskan perkembangan terkini projek Tambakan Laut Pulau Pinang Selatan (PSR).
 - (b) Persatuan nelayan kawasan, persatuan alam sekitar sehingga kini menolak keras cadangan penambakan ini. Adakah Kerajaan Negeri

mengambil langkah yang sewajarnya dalam menangani tentangan tersebut? Sebutkan usaha-usaha yang telah dijalankan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Apakah bidang kerjasama antara Kerajaan Persekutuan baharu dan Negeri yang harus dieratkan lagi untuk membantu pembangunan sosio-ekonomi negeri?
- (a) Senaraikan sepuluh projek-projek pembangunan / infrastruktur terpenting Kerajaan Negeri yang sebelum PRU15 masih belum mendapat kelulusan dan bantuan kewangan atau sebaliknya daripada Kerajaan Persekutuan untuk dilaksanakan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Senaraikan kelebihan dan manfaat Smart Pole sekiranya ia dapat dipasang di Padang Tembak.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Huraikan jumlah pelaburan pembuatan yang diluluskan ke Pulau Pinang sejak tahun 2019.
- (a) Jelaskan pelaburan luar negara yang direalisasikan (*net inflows*) berbanding yang diumumkan bagi tempoh tersebut.
- (b) Adakah MIDA merekodkan *net outflows* FDI yang meninggalkan Pulau Pinang bagi tempoh tersebut?
- (c) Huraikan jenis kluster industri dan peluang pekerjaan yang tercipta.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B.

Ketua Menteri:

28. Nyatakan projek / program yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan sekiranya diberi mandat untuk memerintah Pulau Pinang lima (5) tahun lagi.
- (a) Terangkan apa pengajaran paling pahit yang perlu diambil iktibar oleh Kerajaan Negeri.
 - (b) Sejauh manakah visi Penang2030 dilaksanakan serta cabaran yang dihadapi dalam usaha mencapai matlamat tersebut?

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada Y.A.B.

Ketua Menteri:

29. Berapa kerapkah pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) melakukan audit bulanan penyelenggaraan fasiliti terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP)?
- (a) Apakah penemuan audit tersebut?

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada Y.A.B.

Ketua Menteri:

30. eRIBI - Merupakan portal yang mengumpul data dan maklumat Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di negeri Pulau Pinang secara menyeluruh, lengkap dan berpusat.
- (a) Nyatakan jumlah RIBI di Daerah Timur Laut yang telah berjaya mendaftar di sistem eRIBI.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada Y.A.B. Ketua

Menteri:

31. Apakah status terkini permohonan MBPP untuk mendapatkan perkhidmatan Polis Bantuan memandangkan MBSP sudah lama memperolehi perkhidmatan tersebut?
- (a) Adakah perkhidmatan tersebut memerlukan kelulusan Kerajaan Persekutuan?

- (b) Apakah rancangan alternatif MBPP untuk memastikan keselamatan anggota-anggota MBPP?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

32. Jelaskan pandangan dan tindakan Kerajaan Negeri mengenai dakwaan Menteri Besar Kedah Sanusi berkenaan Pulau Pinang dipajak dari Kedah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

33. Apakah tindakan-tindakan untuk memperkasakan Pusat Penang2030 sebagai pusat informasi dan pusat pendidikan untuk rakyat?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

34. Apakah status tanah di Kampung Kovil Kepala Batas? Perbincangan mengenai status tanah ini telah diadakan sejak tiga (3) tahun yang lalu bersama Timbalan Ketua Menteri 2 Pulau Pinang.
- (a) Adakah perkara ini sudah selesai atau masih lagi di peringkat perbincangan?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Mustafa Kamal Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

35. Apakah usaha kerajaan untuk mempertingkatkan ekopelancongan di Robina Eco Park, Telok Ayer Tawar yang terkenal dengan aktiviti keluarga seperti perkelahan, perkhemahan dan sebagainya?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

36. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk meminda Rang Undang-Undang (RUU) Anti Lompat Parti Negeri Pulau Pinang agar selari dengan Akta Anti Lompat Parti di peringkat Persekutuan?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

37. Status Pusat Dialisis Tasek Gelugor.
- (a) Sebelum ini, sebuah pusat dialisis diselia Zakat Pulau Pinang terdapat di bangunan bersebelahan Balai Polis Tasek Gelugor. Apakah kedudukan operasi bangunan tersebut?
 - (b) Adakah ia akan diteruskan atau dihentikan operasinya? Jelaskan.
 - (c) Jika dihentikan, apakah tujuan selanjutnya operasi bangunan tersebut? Bagaimana penggantian tujuan asalnya?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

38. Fasiliti sukan yang banyak dan sempurna amat diperlukan oleh rakyat terutama golongan anak muda. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang serius untuk membangunkan kemudahan tersebut.
- (a) Anak muda majoritinya amat suka dengan aktiviti permotoran. Apakah yang kita boleh buat bagi memenuhi hasrat mereka supaya ianya tidak melanggar undang-undang dan terkawal?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Berapakah jumlah doktor-doktor kontrak yang sedang bertugas di Hospital Kerajaan dan Klinik Kesihatan di seluruh negeri Pulau Pinang dan berapa jumlah yang telah diserapkan secara penuh masa? Senaraikan mengikut lokasi, jantina dan kaum.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

40. Nyatakan kekerapan gangguan bekalan air di negeri ini sejak tahun lepas.
- (a) Berapakah tempoh gangguan bekalan air yang paling lama?
 - (b) Apakah SOP sebelum melakukan hentian bekalan air?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Gooi Zi Sen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

41. Pembangunan ekonomi Pulau Pinang yang mampan.
- (a) Huraikan secara teliti keputusan dasar / polisi yang telah dibuat bagi menyediakan Pulau Pinang ke arah pembangunan ekonomi yang mampan.
 - (b) Apakah perancangan selanjutnya dalam dasar ekonomi bagi mengharungi kemungkinan kemelesetan ekonomi pada tahun 2023?

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

42. Nyatakan tentang tindakan ke atas kebocoran data peribadi daripada laman sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang membabitkan 600,000 baris data peribadi rakyat Pulau Pinang yang telahpun dicuri dan dimuat naik ke internet.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

43. Apakah langkah yang telah diambil untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan umat Islam?
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mengekang aktiviti kutipan zakat fitrah oleh amil yang tidak dilantik oleh Zakat Pulau Pinang dalam mengelak perpecahan dalam kalangan umat Islam kerana tidak mengikut sistem?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

44. Pengoperasian Tapak Pelupusan Sampah (TPS) Pulau Burung sedang dilaksanakan oleh MBSP. Nyatakan tempoh untuk Sel 1 digunakan penuh.
- (a) Perincikan tempoh masa yang diperlukan untuk menyiapkan Sel 2 dan kos perbelanjaan yang diperlukan.

- (b) Bilakah RFP baharu untuk TPS Pulau Burung akan dibuka dan teknologi apakah yang sedang dipertimbangkan?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 45. Bentangkan langkah dan usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menangani isu kenaikan harga barang-barang keperluan.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri sendiri bercadang untuk melaksanakan konsep jualan murah dan menghasilkan pengeluaran produk keperluan di peringkat negeri? Jika ya, huraikan.
 - (b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai satu jawatankuasa pemantau untuk mengawal kenaikan harga barang?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 46. Nyatakan kekerapan banjir kilat dan di mana berlaku di Pulau Pinang.
 - (a) Berapakah pampasan yang diberikan kepada mangsa banjir kilat akibat kerosakan harta benda mangsa?
 - (b) Bagaimanakah kerajaan mentafsirkan kerosakan harta benda mangsa yang terlibat?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 47. Apakah kemajuan dan status terkini perancangan pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di atas Tanah Kerajaan bersempadan Lot 10042 (Kota Giam), Lot 10043, sebahagian Petak A, di Seksyen 1, Bandar Jelutong selepas lawatan teknikal oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

48. Rancangan Tebatan Banjir (RTB).
- (a) Nyatakan dengan terperinci projek-projek RTB yang telah dijalankan di DUN Telok Bahang.
 - (b) Masih berapa peratuskah yang berbaki yang akan dijalankan di DUN Telok Bahang?
 - (c) Adakah projek RTB ini dapat mengatasi sepenuhnya masalah banjir yang berlaku?

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

49. Nyatakan status pelaksanaan terkini Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang, termasuk LRT dan komponen projek pengangkutan lain untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dan penambahbaikan rangkaian jalan raya di seluruh negeri dan termasuk KADUN Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

50. Sama ada Kerajaan Negeri berhasrat memohon peruntukan daripada Kerajaan Perpaduan baharu untuk tujuan *Urban Renewal Concept* bagi flat di Padang Tembak?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

51. Senaraikan kemudahan sukan bawah Perbadanan Stadium dan jenis kemudahan yang terbuka kepada sewaan.
- (a) Huraikan syarat dan kadar sewaan setiap kemudahan serta pendapatan bulanan setiap kemudahan.
 - (b) Nyatakan perbelanjaan bulanan pengurusan Perbadanan dan perbelanjaan penyelenggaraan setiap kemudahan.

- (c) Adakah Stadium Batu Kawan terhad kepada PFC dan nyatakan pembayaran PFC?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

52. Nyatakan projek / program khususnya untuk negeri Pulau Pinang yang telah dicadangkan dalam Belanjawan 2023 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Ke-10.
- (a) Terangkan perbezaan di antara Kerajaan Perpaduan dengan Kerajaan Keluarga Malaysia dari segi pemberian peruntukan projek / program.
- (b) Sejauh manakah semangat federalism dapat direalisasikan oleh Kerajaan Perpaduan?

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

53. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Rapid Penang dalam meningkatkan mutu perkhidmatan bas?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

54. Adakah Kerajaan Negeri akan meminta Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan kuota Ahli Dewan Negara yang dilantik oleh setiap Dewan Undangan Negeri supaya negeri-negeri diberi suara yang lebih besar dalam undangan dan pentadbiran Persekutuan?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Kaum wanita menghadapi cabaran besar untuk bekerja dan pada masa yang sama perlu menjaga anak kecil, bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat membantu kaum ibu dalam situasi sebegini?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

56. Apakah perancangan program dan pelan tindakan untuk golongan belia yang kini berhadapan dengan cabaran dunia tanpa sempadan dan teknologi yang membolehkan golongan belia mudah untuk mendapat sebarang input dengan hanya di hujung jari, supaya mereka bijak memilih input yang baik dan meninggalkan input yang memudaratkan?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Mustafa Kamal Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

57. Berapakah jumlah rumah yang dibina tetapi tidak terjual?
- (a) Apakah perancangan kerajaan bagi golongan B40 dan M40 yang masih tidak memiliki kediaman tetap, memandangkan harga rumah terlalu tinggi?
 - (b) Adakah kerajaan berhasrat untuk melaksanakan konsep sewa beli kepada golongan tersebut bagi menangani masalah ini

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

58. Nyatakan jumlah peruntukan bantuan khas tahunan kepada sekolah-sekolah kebangsaan di negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

59. Pembangunan perumahan di sekitar Tasek Gelugor.
- (a) Sehingga kini, senaraikan kemajuan projek pembangunan perumahan di sekitar Tasek Gelugor mengikut nama projek, lokasi, jenis dan jumlah unit rumah.
 - (b) Nyatakan perincian pecahan pembelian mengikut kaum dan jenis rumah bagi setiap lokasi di atas.
 - (c) Apakah yang dicadangkan untuk kemajuan masa hadapan?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

60. Mereka yang tergolong dalam purata pendapatan antara RM3,000 hingga RM6,000 masih hadapi dilema kerana tidak boleh membeli rumah RMM A dan B, dan dalam masa yang sama tidak mampu untuk membeli rumah RMM C3. Diburukkan lagi apabila RMM C1 dan C2 jarang dibina. Bagaimanakah untuk kita membantu golongan ini?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Gooi Zi Sen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

61. Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang.
- (a) Apakah status terkini pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mendapatkan bantuan pembiayaan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan untuk pelaksanaan pelan induk tersebut?

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

62. Nyatakan status dan bilangan penternak khinzir yang terjejas oleh African Swine Flu, kerugian mereka dan apakah usaha untuk membolehkan mereka menerima bantuan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

63. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan institusi kewangan untuk memudahkan golongan B40 membuat pinjaman perumahan bagi pembelian Rumah Mampu Milik?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

64. Masalah penagihan dadah yang semakin meruncing di Pulau Pinang. Perincian kesemua tangkapan dadah di Pulau Pinang sejak tahun 2018 sehingga kini.
- (a) Perincian sabitan daripada kesemua tangkapan dadah yang dibuat dari tahun 2018 sehingga kini.
 - (b) Apakah kesan sosio-ekonomi kepada negeri dan negara akibat masalah dadah ini?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

65. Jelaskan kaedah / tatacara pelantikan qaryah masjid di bawah JAIPP / MAINPP.
- (a) Adakah JAIPP / MAINPP mempunyai kuasa untuk menukar senarai AJK qaryah yang telah dipilih dan nyatakan sebab digugurkan.
 - (b) Mengapakah pihak JAIPP / MAINPP memberikan tempoh lima (5) bulan kepada AJK lama bertugas dan bagaimana kaedah JAIPP / MAINPP memilih pengganti yang digugurkan?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

66. Apakah langkah-langkah kerajaan dan penambahbaikan infrastruktur bagi memelihara jeti tambang yang sudah melebihi 200 tahun pembinaannya di Permatang Bendahari, Penaga?
- (a) Apakah usaha kerajaan dalam mempromosikan tempat ini supaya menjadi tarikan ramai pelancong di sini?
 - (b) Adakah kerajaan bercadang menjadikan jeti tambang sebagai warisan di Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

67. Keselamatan makanan adalah satu perkara yang amat penting dan hendak diutamakan. Didapati *Middle Bank* terdapat padang rumput laut terbesar di Malaysia. Apakah peranan *Middle Bank* dalam membantu pembangunan keselamatan makanan

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

68. Penempatan di tanah kerajaan.
- (a) Berapakah jumlah penempatan yang masih menduduki tanah-tanah milik kerajaan di Pulau Pinang?
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan tanahtanah milik kerajaan tidak diceroboh?
 - (c) Berapakah tanah TOL yang diluluskan semenjak tahun 2018 hingga 2022 di DUN Telok Bahang? Perincikan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

69. Nyatakan secara terperinci hasil operasi bersepadu agensi-agensi kerajaan yang diketuai PDRM di Taman Nagasari pada 12 Februari 2023.
- (a) Adakah kerajaan akan melaksanakan lebih banyak operasi sebegini di masa depan untuk membendung permasalahan penempatan tinggal pekerja warga asing oleh majikan yang tidak terkawal?

4. TAMAT SOALAN LISAN

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan 1 jam 30 minit soalan lisan sudah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7) dan semua jawapan yang telah dijawab akan diletakkan di atas meja ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

5. PENGUMUMAN OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri telah memaklumkan telah menerima cadangan ADUN Bertam dilantik sebagai Ketua Pembangkang. Walau bagaimanapun, Dewan Undangan telah meluluskan pengistiharan kekosongan empat (4) kerusi termasuk ADUN Bertam dan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Penggal Keempat Belas akan berakhir maka Ketua Pembangkang masih dipegang oleh Ahli Kawasan Sungai Dua.

6. PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG (PINDAAN) 2023

YB. Timbalan Ketua Menteri I telah membentangkan Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2023.

Ahli Kawasan Batu maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Hussain) menyokong dan membahaskan Rang Undang-Undang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) mengambil bahagian dalam perbahasa Rang Undang-Undang.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir bin Aziz) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang.

PENGGULUNGAN RANG UNDANG-UNDANG

YB. Timbalan Ketua Menteri I menggulung Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2023.

Rang Undang-Undang telah dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

7. PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA

Y.A.B. Ketua Menteri telah mencadangkan dua (2) orang Ahli Dewan Negara iaitu Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam dan Encik Amir bin Muhammad sebagai Ahli Dewan Negara yang baharu.

YB. Timbalan Ketua Menteri I menyokong,

Pelantikan dipersetujui.

8. USUL DI BAWAH PERKARA 34(VIII) PERATURAN-PERATURAN MAJLIS MESYUARAT DEWAN UNDANGAN NEGERI

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) membentangkan Usul Tanpa Memberitahu terhadap Menteri Besar Kedah atas ucapan provokasi yang bersifat menghasut.

Ahli Kawasan Penaga (YB Mohd. Yusni bin Mat Piah) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

Y.A.B. Ketua Menteri mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul.

PENGGULUNGAN USUL

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) ambil bahagian dalam penggulungan Usul.

Usul telah diterima sebulat suara.

9. UCAPAN PENANGGUHAN

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) telah membentangkan ucapan pengangguhan.


Dewan telah mengambil maklum.

PENANGGUHAN

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri telah memaklumkan bahawa Y.A.B. Ketua Menteri telah memohon supaya Dewan ditangguhkan dan mendapat sokongan.

Dewan telah ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Dewan telah ditangguhkan pada jam 1.20 tengah hari.



(YB. DATO' LAW CHOO KIANG, DMPN)

Yang di-Pertua
Dewan Undangan Negeri
Pulau Pinang

Tarikh : 9 JUN 2023